



## NOTIS

### ARAHAN MENTERI MENGENAI PELAKSANAAN MODEL DWIRANGKAIAN 5G

Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam memilih U Mobile Sdn Bhd sebagai penyedia perkhidmatan rangkaian 5G kedua, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan Suruhanjaya bagi penguntukan spektrum, model Rangkaian Borong Tunggal yang sedia ada perlu dipinda.

Oleh yang demikian, YB Menteri Komunikasi telah mengeluarkan suatu Arahan Menteri kepada pihak MCMC di bawah Seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] bagi melaksanakan model dwirangkaian 5G. Arahan Menteri ini berkuat kuasa pada 31 Disember 2024.

Pengeluaran Arahan Menteri yang baharu ini akan membatalkan Arahan Menteri terdahulu iaitu *Ministerial Direction on the Deployment of 5G Infrastructure and Network (Direction No. 3 of 2021)* mengenai pelantikan Digital Nasional Berhad sebagai penyedia tunggal yang melaksanakan infrastruktur dan rangkaian 5G negara.

[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)